TERMA DAN SYARAT
Kempen Melancong ke China CIMB 2.0

1. Kempen Melancong ke China CIMB 2.0 ("**Kempen**") ini dianjurkan bersama oleh CIMB Bank Berhad [No Pendaftaran: 197201001799 (13491-P)] ("**CIMB Bank**") dan CIMB Islamic Bank Berhad [No Pendaftaran: 200401032872 (671380-H)] ("**CIMB Islamic Bank**"). CIMB Bank dan/atau CIMB Islamic Bank hendaklah dirujuk secara kolektif di sini sebagai "**CIMB**".

Tempoh Kempen

2. Kempen akan bermula dari 23 Oktober 2026 sehingga 31 Disember 2026, termasuk kedua-dua tarikh tersebut ("**Tempoh Kempen**") berdasarkan sepuluh (10) kitaran minggu kempen seperti berikut.

Minggu Kempen	Tempoh Perbelanjaan
1	23 Okt 2026 – 29 Okt 2026
2	30 Okt 2026 – 5 Nov 2026
3	6 Nov 2026 – 12 Nov 2026
4	13 Nov 2026 – 19 Nov 2026
5	20 Nov 2026 – 26 Nov 2026
6	27 Nov 2026 – 3 Dis 2026
7	4 Dis 2026 – 10 Dis 2026
8	11 Dis 2026 – 17 Dis 2026
9	18 Dis 2026 – 24 Dis 2026
10	25 Dis 2026 – 31 Dis 2026

3. CIMB berhak memberikan notis tidak kurang daripada tujuh (7) hari kalendar untuk menukar tempoh dan/atau permulaan dan/atau tarikh tamat Tempoh Kempen.

Kelayakan

4. Kempen ini terbuka kepada semua pemegang kad kredit utama CIMB yang memegang Kad Kredit/i CIMB yang sah dan dikeluarkan oleh CIMB di Malaysia **("Peserta Yang Layak")**. Kad Kredit/-i CIMB milik Peserta Yang Layak selepas ini dirujuk sebagai **"Kad Kredit Layak"**.

5. Adalah menjadi tanggungjawab Peserta yang Layak untuk memastikan nombor mudah alih milik mereka ("**Maklumat Perhubungan**") yang diberikan kepada CIMB adalah terkini dan dikemas kini dengan CIMB sekiranya terdapat perubahan yang dilakukan oleh mereka. CIMB berhak membatalkan "**Pulangan Tunai Mingguan**" sekiranya Maklumat Perhubungan milik Peserta Yang Layak yang dikekalkan dalam rekod CIMB adalah tidak sah dan/atau tidak dikemaskinikan. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Peserta Yang Layak atas sebarang kerugian (termasuk kehilangan peluang dan kerugian turutan akibat daripadanya) yang ditanggung sekiranya Maklumat Perhubungan yang dikekalkan dalam rekod CIMB adalah tidak terkini atau tepat.

Syarat-syarat dan Mekanik Kempen

6. Peserta yang Layak hendaklah membuat "**Transaksi Rentas Sempadan China yang Layak**" menggunakan Kad Kredit Layak mereka untuk memperoleh Pulangan Tunai Mingguan seperti yang dinyatakan dalam Jadual di bawah:

Syarat Perbelanjaan	Pulangan Tunai Mingguan	Peruntukan Pulangan Tunai Mingguan	Jumlah Dana Pulangan Tunai Kempen
Semua **Transaksi Rentas Sempadan China yang Layak** dibuat sepanjang Minggu Kempen yang berkenaan	**3% Pulangan Tunai** (dihadkan kepada RM30 bagi setiap Peserta Yang Layak untuk setiap Minggu Kempen)	RM15,000	RM150,000

i) **Transaksi Rentas Sempadan China** yang Layak merujuk kepada transaksi mata wang asing Kad Hadir (Card Present) di premis atau di kaunter dan/atau transaksi mata wang asing Kad Tidak Hadir (Card Not Present) secara dalam talian yang diluluskan oleh CIMB dan dicaj kepada Kad Kredit Layak sepanjang Tempoh Kempen di mana kod mata wang bagi transaksi tersebut adalah dalam Yuan China (CNY). Untuk mengelakkan keraguan, sebarang transaksi Pengebilan-Automatik/berulang yang ditandai sebagai transaksi berulang yang direkodkan dalam sistem CIMB adalah dikecualikan daripada Transaksi Rentas Sempadan China yang Layak;

ii) Untuk mengelakkan sebarang keraguan, **Transaksi Rentas Sempadan China** yang Layak akan ditukarkan kepada Ringgit Malaysia (RM) bagi tujuan pengesanan untuk memperoleh Pulangan Tunai Mingguan, berdasarkan kadar pertukaran semasa CIMB. Sekiranya jumlah pembelian bagi sesuatu Transaksi Rentas Sempadan China yang Layak ditukar kepada Ringgit Malaysia di titik jualan melalui Penukaran Mata Wang Dinamik (DCC), ia akan dikategorikan sebagai Transaksi Tempatan. Untuk penjelasan, sesuatu transaksi hanya akan dianggap sebagai Transaksi Rentas Sempadan China yang Layak sekiranya kod mata wang transaksi tersebut adalah dalam Yuan China (CNY).

7. Tertakluk kepada Klausa 12 terma dan syarat ini, untuk layak mendapat Pulangan Tunai Mingguan, Peserta Yang Layak mesti membuat "**Transaksi Rentas Sempadan China yang Layak**" menggunakan Kad Kredit Layak mereka semasa Tempoh Kempen.

8. Bagi mengelakkan was-was, transaksi-transaksi berikut adalah secara nyata dikecualikan dan tidak akan dianggap sebagai Transaksi Rentas Sempadan China yang Layak:-
   i) Transaksi tempatan yang dicaj dalam Ringgit Malaysia (MYR);
   ii) Transaksi mata wang asing yang dibilkan dalam kod mata wang selain Yuan China (CNY);
   iii) Sebarang transaksi Pengebilan-Automatik/berulang yang ditandakan sebagai transaksi berulang dalam sistem CIMB;
   iv) Transaksi pendahuluan tunai, pengeluaran tunai atau deposit tunai;

v) Transaksi Quasi Tunai – (contoh: transaksi pertaruhan dan/atau permainan);
vi) Ansuran bulanan di bawah mana-mana kemudahan pembayaran ansuran yang disediakan oleh CIMB;
vii) Arahan tetap/perkhidmatan pembayaran automatik;
viii) Transaksi JomPAY, FPX dan/atau Duitnow QR;
ix) Transaksi Rentas Sempadan China yang Layak yang kemudian dibatalkan atau dikembalikan, dipertikaikan, tidak sah atau transaksi penipuan;
x) Pembayaran yuran tahunan, caj penghantaran, pembayaran tunai, yuran penggantian kad, caj pertikaian, caj penipuan, caj faedah/kewangan, yuran pengeluaran tunai, yuran pemprosesan, atau sebarang jenis yuran dan/atau penalti yang dikenakan oleh CIMB.

Apa-apa penentuan oleh CIMB sebagai apa Transaksi Rentas Sempadan China yang Layak adalah konklusif dan tidak boleh dicabar dalam mana-mana cara sekalipun kecuali yang sama dilihat sebagai tidak adil atau tidak saksama.

9. Semua Transaksi Rentas Sempadan China yang Layak yang dibuat pada Kad Kredit Layak termasuk kad tambahan akan disatukan dan dianggap sebagai Transaksi Rentas Sempadan China yang Layak untuk memenuhi Syarat Perbelanjaan.

10. Semua Transaksi Rentas Sempadan China yang Layak akan dikesan secara automatik oleh CIMB bagi tujuan memenuhi pemberian Pulangan Tunai Mingguan. Penjejakan Transaksi Rentas Sempadan China yang Layak adalah berdasarkan tarikh dan/atau masa transaksi (Waktu Malaysia) seperti yang dirakam oleh rekod transaksi CIMB semasa Tempoh Kempen.

11. CIMB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan ke atas sebarang kelewatan dalam pengeposan Transaksi Rentas Sempadan China yang Layak kepada Kad Kredit Layak Peserta Yang Layak dan/atau kesilapan atau peninggalan dalam pengeposan yang sama disebabkan oleh sebarang sebab yang timbul termasuk tetapi tidak terhad kepada kelewatan di pihak peniaga melainkan perkara yang sama disebabkan oleh kecuaian dan/atau keingkaran CIMB. CIMB tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kegagalan dan/atau kesilapan dan/atau kelewatan dalam penghantaran bukti Transaksi Rentas Sempadan China yang Layak dan/atau pengeposan Transaksi Rentas Sempadan China yang Layak kepada Kad Kredit Layak Peserta Yang Layak oleh Visa, Mastercard, pertubuhan saudagar atau mana-mana pihak lain melainkan perkara yang sama disebabkan oleh kecuaian atau keingkaran CIMB.

Pulangan Tunai Mingguan dan Proses Kriteria Pemenuhan

12. Jumlah Dana Pulangan Tunai Kempen yang diperuntukkan untuk Kempen adalah Ringgit Malaysia Seratus Lima Puluh Ribu (RM150,000) sahaja dengan Peruntukan Pulangan Tunai Mingguan sebanyak Ringgit Malaysia Lima Belas Ribu (RM15,000). Pulangan Tunai Mingguan akan diberikan atas dasar "siapa cepat dia dapat". Setelah peruntukan Pulangan Tunai Mingguan telah dihabiskan, Peserta Yang Layak tidak akan layak mendapat Pulangan Tunai Mingguan walaupun Peserta Yang Layak memenuhi Syarat Perbelanjaan.

13. Tertakluk kepada Klausa 12 terma dan syarat di sini, Pulangan Tunai Mingguan yang diperolehi oleh setiap Peserta Yang Layak akan dikreditkan ke dalam akaun utama Kad Kredit Layak Peserta Yang Layak dalam tempoh dua belas (12) minggu dari penamatan Tempoh Kempen ("**Tempoh Pemenuhan**"). Peserta Yang Layak harus memaklumkan CIMB dalam tempoh lapan (8) minggu dari Tempoh Pemenuhan ("**Tempoh Ditentukan**") jika Pulangan Tunai Mingguan tidak dikreditkan. Jika Peserta Yang Layak tidak memaklumkan CIMB dalam Tempoh Ditentukan, Pulangan Tunai Mingguan akan dianggap sebagai berjaya dikreditkan.

14. Hanya Peserta Yang Layak yang merupakan pemegang kad utama layak mendapat Pulangan Tunai Mingguan yang diganjarkan di bawah Kempen ini.

15. Pada masa penerimaan Pulangan Tunai Mingguan oleh Peserta Yang Layak, akaun(-akaun) Kad Kredit Layak milik Peserta Yang Layak TIDAK BOLEH berdelinkuen, dan/atau tidak sah atau dibatalkan dalam definisi CIMB, jika tidak Peserta Yang Layak akan dilucutkan kelayakan daripada menyertai atau menerima Pulangan Tunai Mingguan.

16. Peserta Yang Layak yang berhak menerima Pulangan Tunai Mingguan akan menerima satu pemberitahuan melalui SMS daripada CIMB bahawa mereka layak menerima Pulangan Tunai Mingguan. Jumlah Pulangan Tunai Mingguan akan dinyatakan dalam penyata bulanan kad kredit Peserta Yang Layak yang seterusnya selepas pengkreditan Pulangan Tunai Mingguan jika mereka berhak menerima Pulangan Tunai Mingguan.

17. Pemberitahuan oleh CIMB akan berdasarkan nombor telefon Peserta Yang Layak di Malaysia yang dikekalkan dengan CIMB.

18. CIMB tidak akan melayan apa-apa jua aduan berkenaan dengan Pulangan Tunai Mingguan dan tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan dalam apa cara sekalipun berkenaan dengan kegagalan teknikal atau apa jua bentuk, apa-apa campur tangan, gangguan dan/atau kesilapan elektronik atau manusia dalam pentadbiran dan/atau pemprosesan transaksi yang dilakukan melalui Kad Kredit Layak melainkan ia adalah disebabkan oleh kecuaian atau keingkaran sengaja oleh CIMB.

19. CIMB tidak menerima apa-apa tanggungjawab bagi apa-apa implikasi percukaian yang boleh timbul daripada Pulangan Tunai Mingguan atau penggunaannya. Apa-apa kewajipan pemfailan cukai atau apa-apa pembayaran cukai tertunggak kepada mana-mana pihak berkuasa akibat daripada penerimaan Pulangan Tunai Mingguan akan kekal menjadi tanggungjawab tunggal Peserta Yang Layak. Ia adalah tanggungjawab setiap Peserta Yang Layak untuk mendapatkan nasihat bebas berkenaan dengan implikasi berpotensi yang mungkin wujud ke atas keadaan kewangan beliau.

Terma-terma dan Syarat-syarat Umum

20. Peserta Layak bersetuju dengan menyertai Kempen ini, mereka:
    a) dikehendaki membaca dan memahami Terma dan Syarat ini;
    b) mempunyai akses, membaca dan mengesahkan persetujuan mereka kepada Terma-Terma & Syarat-Syarat ini;

c) mengesahkan bahawa terma kontrak utama yang mempengaruhi kewajipan mereka telah dijelaskan dengan secukupnya kepada mereka;
d) memberi persetujuan kepada CIMB untuk memproses dan mendedahkan data peribadi mereka, menurut Notis Privasi Kumpulan CIMB yang terdapat di www.cimb.com.my/en/personal/privacy-policy.html;
e) bersetuju bahawa semua keputusan yang dilakukan secara munasabah oleh CIMB berkenaan dengan setiap aspek Kempen ini, termasuk Pulangan Tunai Kempen yang diberikan dan penentuan Peserta Layak, adalah muktamad, terikat dan konklusif; dan
f) bersetuju bahawa CIMB tidak akan dalam apa cara sekalipun dipertanggungjawabkan atau bertanggungjawab kepada Peserta Layak sekiranya CIMB tidak dapat melaksanakan keseluruhan atau sebahagian kewajipannya kepada Terma-Terma & Syarat-Syarat disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh:
   (i) kegagalan mana-mana peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemprosesan data, talian penghantaran;
   (ii) kegagalan elektrik;
   (iii) pertikaian industri, perang, mogok atau rusuhan;
   (iv) apa-apa bencana alam ("*act of God*") di luar kawalan CIMB; atau
   (v) apa-apa faktor akibat keadaan luar jangka yang berada di luar kawalan munasabah CIMB.

21. Peserta Layak akan dilucutkan kelayakan daripada menyertai Kempen dan/atau Pulangan Tunai Kempen akan dilucutkan hak jika, semasa Tempoh Kempen dan/atau sebelum penebusan Pulangan Tunai Kempen:
    a) Peserta Layak memungkiri terma-terma dan syarat-syarat yang mengawal Kempen atau Kad Kredit Layak;
    b) Kad Kredit Layak ditamatkan atau ditutup atau tertakluk kepada apa-apa ikatan, perintah bertentangan yang dikenakan oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang diluluskan oleh undang-undang; atau
    c) Kad Kredit Layak telah delinkuen, tidak sah atau dibatalkan oleh Peserta Layak atau CIMB.

22. CIMB menyimpan hak untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta Layak yang ia ditentukan:
    a) memanipulasi penyertaan; dan/atau
    b) bertindak memungkiri Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.

    CIMB berhak untuk melanjutkan, memendekkan, mengakhiri, membatalkan, menamatkan atau menangguhkan Kempen dengan memberikan pemberitahuan selama tujuh (7) hari kalendar kepada Peserta Layak melalui:
    (i) pengumuman di laman sesawang CIMB; dan/atau
    (ii) notis di cawangan CIMB; dan/atau
    (iii) melalui cara pemberitahuan lain yang CIMB pilih.

    Bagi mengelakkan keraguan, CIMB tidak akan dipertanggungjawabkan bagi apa-apa kerugian, kerosakan, kehilangan atau perbelanjaan yang dialami atau ditanggung oleh Peserta Layak akibat secara langsung atau tidak langsung oleh Pulangan Tunai Kempen dan/atau tindakan pembatalan, penggantungan, pemendekan atau pelanjutan Kempen ini.

23. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Peserta Layak atau mana-mana pihak bagi apa-apa kehilangan atau kerugian (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan

atau nama baik, secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau ganti rugi khas mana-mana pihak) akibat daripada:

a) Penyertaan atau bukan penyertaan Peserta Layak dalam Kempen; dan/atau
b) Tidak menerima atau kelewatan dalam menerima SMS dan/atau WhatsApp oleh Peserta Layak

melainkan jika ia timbul daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuaian atau keingkaran sengaja CIMB.

24. a) CIMB menyimpan hak untuk meminda, menambah, memadam atau mengubahsuai mana- mana terma-terma dan syarat-syarat ("Pindaan") dengan memberikan notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Peserta Layak melalui:
    (i) pengumuman di laman sesawang CIMB; dan/ atau
    (ii) notis di cawangan-cawangan CIMB; dan/ atau
    (iii) iklan dalam satu surat khabar pilihan CIMB; dan/ atau
    (iv) melalui apa-apa kaedah notifikasi lain yang boleh dipilih oleh CIMB.
    b) Pindaan akan dianggap terikat ke atas Peserta Layak dari tarikh yang dinyatakan oleh CIMB dalam notifikasi.
    c) Jika perubahan tersebut dikehendaki oleh undang-undang atau mana-mana peraturan, peraturan, arahan, notis dan garis panduan ("Peraturan") maka perubahan tersebut akan berkuat kuasa mengikut undang-undang atau Peraturan dan CIMB akan memaklumkan/memberi notis kepada Peserta Layak mengenai perubahan ini secepat mungkin.
    d) Peserta Layak bersetuju untuk mengakses laman web CIMB pada selang masa yang tetap untuk menyemak Terma-terma dan Syarat-syarat Kempen ini dan memastikan bahawa mereka sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan kepada terma-terma dan syarat-syarat ini.

25. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Peserta Layak bagi apa-apa kehilangan atau kerugian yang ditanggung oleh Peserta Layak secara langsung atau tidak langsung akibat daripada Pindaan.

26. Peserta Layak akan menanggung rugi sepenuhnya dan memastikan CIMB sentiasa ditanggung rugi terhadap apa-apa fi, kos, caj, perbelanjaan, kerugian, kerosakan atau liabiliti yang mungkin ditanggung oleh CIMB akibat daripada:
    a) Peserta Layak menyertai kempen ini; dan/ atau
    b) Peserta Layak menerima, menebus atau menggunakan Pulangan Tunai Kempen; dan/atau
    c) melanggar atau gagal mematuhi Terma dan Syarat ini.

27. Terma-terma dan Syarat-Syarat ini:
    a) akan mengatasi mana-mana peruntukan atau representasi yang terdapat dalam mana-mana bahan lain yang mengiklankan Kempen ini; dan
    b) hendaklah dibaca bersama dengan terma-terma dan syarat-syarat Kad Kredit Layak semasa yang akan diguna pakai sebagai tambahan kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini.

28. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan kaedah, peraturan dan garis panduan Bank Negara Malaysia dan badan-badan kawal selia lain yang berkaitan di mana CIMB tertakluk.

29. Jika CIMB tidak melaksanakan hak yang dimilikinya dalam Terma dan Syarat ini, ini tidak menghalang CIMB daripada melaksanakan hak tersebut atau mana-mana hak lain yang dimiliki CIMB pada masa akan datang.

30. Peserta Layak bersetuju bahawa mereka akan bertanggungjawab atas sebarang cukai, yuran kerajaan atau caj lain yang berkaitan dengan Kempen ini.

31. Laman Web CIMB mungkin mengandungi pautan ke laman web lain ("**Pautan Pihak Ketiga**"). CIMB tidak mempunyai kawalan ke atas, dan tidak memantau atau menyemak kandungan Pautan Pihak Ketiga. Jika Peserta Layak mengklik Pautan Pihak Ketiga, Peserta Layak memahami bahawa mereka mengakses Pautan Pihak Ketiga atas risiko sendiri dan CIMB tidak bertanggungjawab atas sebarang kerugian yang mungkin dialami oleh Peserta Layak.

32. Peserta Layak boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan CIMB ("CRU") untuk maklum balas dan/atau aduan berkenaan dengan Kempen, melalui surat, panggilan telefon dan emel:
Alamat: CIMB Bank Berhad / CIMB Islamic Bank Berhad, Customer Resolution Unit (CRU), P.O. Box 10338, GPO Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan
No Telefon: 603 6204 7788
E-mel: contactus@cimb.com

CIMB boleh menukar butiran hubungan di atas dengan memaklumkan Peserta Layak melalui pengumuman di laman sesawang CIMB atau dengan apa-apa cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB.

33. Jika produk/perkhidmatan yang berkaitan dengan Kempen ini yang dilanggani oleh Peserta Layak ditawarkan oleh CIMB Bank, sebarang pertanyaan daripada Peserta Layak akan dikendalikan oleh CIMB Bank. Begitu juga, jika produk/perkhidmatan tersebut ditawarkan oleh CIMB Islamic, pertanyaan Peserta Layak akan ditangani oleh CIMB Islamic.